




Elemen KBAT Dalam **PEDAGOGI**





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

ELEMEN KBAT DALAM PEDAGOGI

Diterbitkan oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2014

KANDUNGAN

Perkara

PANEL PENYUMBANG

RUKUN NEGARA

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

KATA ALU-ALUAN

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

2.0 Perancangan dan Pelaksanaan KBAT dalam Pedagogi

3.0 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

3.1 Konstruktivisme

3.2 Kontekstual

3.3 Pembelajaran Berasaskan Projek

3.4 Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

3.5 Kajian Masa Depan

4.0 Alat berfikir

5.0 Teknik Penyoalan

6.0 Penutup

RUJUKAN

Muka Surat

iv

v

vi

vii

viii

1

2

4

4

4

4

4

5

5

5

17

19

PANEL PENYUMBANG

PENASIHAT :

YBrs. Dr. Masnah binti Ali Muda	Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum
En. Shamsuri bin Sujak	Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) Bahagian Pembangunan Kurikulum
YBrs. Dr. Azian binti T.S. Abdullah	Timbalan Pengarah (Dasar, Sains dan Teknologi) Bahagian Pembangunan Kurikulum (sehingga 4 Julai 2014)
YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon	Timbalan Pengarah (STEM) Bahagian Pembangunan Kurikulum (mulai 4 Julai 2014)

PANEL:

Pn. Zaidah binti Mohd Yusof	Ketua Sektor Sains dan Matematik Bahagian Pembangunan Kurikulum
Tn. Hj. Sofian Azmi bin Tajul Arus	Ketua Sektor Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Bahagian Pembangunan Kurikulum
YBrs. Dr. Hajar binti Mohd Nor	Bahagian Pembangunan Kurikulum
En. Ramanathan a/l Nagarathinam	Bahagian Pembangunan Kurikulum
En. Zamzaitul Akmal Hisham bin Ahmad Yusuf	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Pn. Saripah Faridah binti Syed Khalid	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Pn. Isnazhana binti Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
 - Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
 - Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

*Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550),
Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih sehingga 5
Januari 2013 (ms12)*

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah kita panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku Perincian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat disempurnakan penerbitannya.

Penulisan buku Perincian KBAT bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Penerbitan buku ini merupakan usaha untuk memberi kefahaman kepada pendidik dan masyarakat mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT di sekolah merangkumi tujuh elemen iaitu Kurikulum, Pedagogi, Pentaksiran, Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Bina Upaya dan Sumber. Kejayaan dalam mencapai objektif KBAT bergantung kepada perancangan yang rapi dan menyeluruh melibatkan ketujuh-tujuh elemen tersebut.

Besarliah harapan saya, agar buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan untuk melaksanakan KBAT dalam sistem pendidikan di sekolah. Kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku Perincian KBAT, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Kurikulum 2014

PENDAHULUAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan enam aspirasi iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global. Daripada enam aspirasi yang dinyatakan, buku ini memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Penguasaan kemahiran berfikir yang mantap memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif.

Kemahiran berfikir yang ditekankan ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kerana tren perkembangan pendidikan masa kini menuntut kemahiran tersebut. Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu Kurikulum, Pentaksiran dan Pedagogi serta empat elemen sokongan iaitu Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Sumber dan Bina Upaya. Kesemua elemen ini adalah untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru dan murid. Setiap elemen KBAT akan diperincikan dalam bentuk buku dan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui laman sesawang BPK. Maklumat terkini yang diperoleh boleh dijadikan koleksi yang komprehensif mengenai pelaksanaan KBAT.

Buku Elemen KBAT dalam Pedagogi menerangkan perancangan dan pelaksanaan KBAT semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Antara yang dibincangkan dalam buku ini adalah perancangan dan pelaksanaan KBAT dalam Pedagogi, strategi PdP dan pelaksanaan strategi PdP.

1.0 PENGENALAN

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) KBAT yang berkesan perlu berpusatkan murid dengan melibatkan mereka secara aktif dalam PdP melalui tugas dan soalan yang mencabar pemikiran. Justeru, guru perlu mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif bagi merangsang murid berfikir. Guru juga boleh menggunakan alat berfikir dan teknik penyoalan dalam usaha membudayakan pemikiran yang kritis dan kreatif dalam kalangan murid.

Pedagogi yang melibatkan murid berfikir telah lama dilaksanakan, melalui program seperti Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) yang dilaksanakan di sekolah pada tahun 1994. Program ini diteruskan dan dimantapkan dengan pengenalan KBAT seperti yang disarankan dalam PPPM (2013-2025).

Pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang ada pada seseorang individu memainkan peranan penting dalam proses berfikir. Kesemua aspek ini menjadi latar belakang untuk membuat penaaakulan dan refleksi sehingga membolehkan seseorang individu berfikir aras lebih tinggi dalam konteks dapat membuat keputusan, menyelesaikan masalah, menginovasi dan mencipta. Dalam proses ini, empat tahap pemikiran yang tinggi diberi fokus iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Seperti yang diterangkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Fokus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi



Rujuk Standard Pembelajaran berasaskan KBAT

Kenal pasti elemen KBAT dalam Standard Pembelajaran

Laksana PdP

- Gunakan alat berfikir yang sesuai
- Kemukakan soalan yang boleh menggalakkan KBAT
- Wujudkan suasana bilik darjah yang membantu murid menggunakan KBAT

Refleksi

Buat refleksi tentang keberkesanan P&P dalam menggalakkan KBAT

Rancang PdP

Sediakan RPH

- Nyatakan objektif pembelajaran secara eksplisit
- Sediakan aktiviti yang membolehkan murid menggunakan KBAT

Sediakan BBB

- Sediakan Bahan Bantu Belajar yang dapat menggalakkan KBAT

Mentaksir

Pastikan terdapat soalan KBAT dalam pentaksiran

3.0 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Guru perlu merancang dan melaksanakan KBAT melalui pelbagai strategi PdP yang berkesan dan bersesuaian dengan objektif PdP. Antara strategi PdP yang boleh digunakan adalah seperti konstruktivisme, pembelajaran berasaskan kontekstual, pembelajaran berasaskan projek, inkuiri dan kajian masa depan. Strategi yang betul dan tepat akan membantu mewujudkan suasana bilik darjah yang membolehkan murid berfikir.

3.1 Konstruktivisme

Konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Guru perlu mengemukakan soalan aras tinggi supaya murid dapat berfikir dan menggunakan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Guru harus menggalakkan murid mencari jawapan sendiri.

3.2 Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti hands-on dan minds-on. Dalam strategi ini murid dapat menggunakan pengetahuan sedia ada dalam situasi yang berlainan.

3.3 Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek adalah suatu kaedah penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui pengalaman pembelajaran berasaskan tugas aktiviti jangka panjang antara disiplin ilmu, berpusatkan murid dan mengintegrasikan isu semasa dan amalan. Kaedah ini menekankan tugas intelek bagi meneroka isu yang kompleks. Kaedah ini menggalakkan pemahaman murid di mana murid dapat meneroka untuk mencari maklumat, membuat interpretasi, membuat keputusan atau kesimpulan.

3.4 Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri ialah suatu pendekatan mencari jawapan kepada persoalan yang diutarakan. Ia melibatkan penyiasatan, penerokaan, mengumpul data, membuat kesimpulan untuk menyelesaikan masalah, membuat refleksi tentang kaedah yang digunakan dan berkomunikasi bagi berkongsi dapatan tentang masalah berkenaan.

3.5 Kajian Masa Depan

Kajian Masa Depan memberi kesedaran dan merangsang murid berfikir tentang isu, masalah dan peluang yang bakal dihadapi. Ini akan membolehkan mereka memandang masa depan dengan yakin dan optimis seperti berikut:

- a. membuat ramalan tentang trend dan perubahan yang akan berlaku berdasarkan pengetahuan dan maklumat sedia ada,
- b. menjangka kesan atau akibat sesuatu fenomena, trend, atau perubahan masa depan; dan
- c. menggunakan pelbagai sumber bagi mengawal, menangani serta mengendalikan perubahan supaya mendapat manfaat yang maksimum.

4.0 ALAT BERFIKIR

Penggunaan alat berfikir dapat membantu murid berfikir dengan lebih tersusun, sistematik dan berfokus. Contoh alat berfikir adalah seperti yang berikut:

- Peta Pemikiran
- Penyusun grafik
- Soalan dan penyoalan
- Peta Minda
- CoRT
- 6 Thinking Hats

5.0 TEKNIK PENYOALAN

Untuk menggalakkan murid berfikir aras tinggi, guru perlu memberi soalan aras tinggi. Guru perlu menggalakkan murid menyoal menggunakan soalan aras tinggi di dalam aktiviti PdP seperti Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Pemikiran dan contoh soalan

Bil.	Mata Pelajaran	Standard Kandungan	Contoh Soalan Mengingat	Contoh Soalan Memahami
1.	Pendidikan Jasmani Gimnastik Asas	<p>[Domain psikomotor]</p> <p>1.3. Berkebolehan melakukan kemahiran gayut dan ayun dengan lakuan yang betul.</p> <p>[Domain kognitif]</p> <p>2.3 Berkebolehan mengaplikasi konsep gayut dan ayun dalam pergerakan.</p> <p>[Domain afektif]</p> <p>5.1 Berkebolehan mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p>	<p>a) Apakah nama genggamannya untuk bergayut dan mengayun?</p> <p>b) Ke manakah arah yang kamu boleh mengayun semasa bergayut pada palang?</p> <p>c) Apakah alatan yang boleh diletakkan di bawah palang gayut supaya kamu boleh mendarat dengan selamat?</p>	<p>a) Bagaimanakah cara melakukan genggamannya atas, bawah dan campuran pada palang bergayut?</p> <p>b) Apakah ciri palang gayut yang selamat?</p>

Contoh Soalan Mengaplikasi	Contoh Soalan Menganalisis	Contoh Soalan Menilai	Contoh Soalan Mencipta
<p>Berdasarkan aktiviti yang telah kamu lakukan, genggamannya apakah yang sesuai dan selamat bagi mengayun arah ke depan, ke belakang dan ke atas?</p>	<p>Sejauh manakah perbezaan genggamannya atas, bawah dan campuran pada palang mempengaruhi arah mengayun?</p>	<p>Bagaimana untuk menentukan rakan kamu telah melakukan kemahiran gayut dan ayun dengan lakuan yang betul? Bagaimanakah kamu menilai palang gayut yang akan digunakan adalah selamat?</p>	<p>Bagaimanakah kamu merancang persembahan kemahiran gayut dan ayun yang sesuai dengan genggamannya dan arah ayun yang kamu pilih?</p>

Bil.	Mata Pelajaran	Standard Kandungan	Contoh Soalan Mengingat	Contoh Soalan Memahami
2.	Bahasa Inggeris	1.1.4 Able to talk about related topics with guidance. Topic : Reduce, Reuse and Recycle (3Rs)	What do reduce, reuse and recycle mean?	A mineral water bottle is turned into a flower pot. Is this reduce, reuse or recycle?
3.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	3.0 Memahami Peranti Komputer	(a) Apakah yang dimaksudkan dengan set komputer? (b) Apakah dua peranti input, dua peranti output dan dua peranti storan yang anda tahu? (c) Apakah peranti input dan peranti output yang dapat anda lihat di sekeliling kawasan anda ?	(a) Mengapa monitor di kelaskan sebagai peranti output? (b) Mengapa perlu ada peranti input, peranti output dan peranti storan dalam sesebuah set komputer? (c) Bagaimana anda boleh melihat tugas anda yang akan dibentangkan jika monitor komputer anda rosak?

Contoh Soalan Mengaplikasi	Contoh Soalan Menganalisis	Contoh Soalan Menilai	Contoh Soalan Mencipta
<p>How do you reduce the use of paper in your daily life?</p>	<p>What will happen to our environment if we do not reduce, reuse and recycle?</p>	<p>Is the reduce, reuse and recycle campaign a success in your school?</p>	<p>If you have stacks of old newspapers, how would you recycle it?</p>
<p>(a) Bagaimana anda memasang sebuah set komputer yang lengkap dengan peranti input, output dan storan yang sesuai? Tunjukkan.</p> <p>(b) Lakarkan sebuah set komputer lengkap dengan gabungan peranti yang telah dipelajari?</p>	<p>(a) Mengapakah peranti komputer ini tidak berfungsi?</p> <p>(b) Apakah peranti yang boleh ditambah untuk meningkatkan lagi keupayaan komputer?</p>	<p>Apakah peranti komputer yang akan dipilih ketika membeli set komputer daripada pelbagai brosur jualan yang terdapat di pasaran? Beri Justifikasi</p>	<p>Apakah nama dan ciri-ciri keistimewaan peranti ciptaan anda yang telah anda lakarkan?</p>

Bil.	Mata Pelajaran	Standard Kandungan	Contoh Soalan Mengingat	Contoh Soalan Memahami
4.	Sejarah	Pengertian Sejarah dan Kemahiran Sejarah	Apakah itu sejarah? Apa sumber sejarah?	Apakah bahan tinggalan Sejarah yang terdapat dalam muzium?
		Pengertian Sejarah dan Kemahiran Sejarah	Apakah keluarga asas?	Siapakah ahli keluarga anda?
		Sejarah Sekolah	Bilakah sekolah anda ditubuhkan?	Siapakah yang merasmikan pembukaan sekolah anda?
		Kawasan Tempat Tinggal Murid	Apakah nama kampung anda?	Apakah sejarah tempat tinggal anda?
5.	Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan (KAIMaL)	Mengetahui dan mempraktik cara menjaga kebersihan, kekemasan dan keceriaan bilik darjah.	(a) Apakah alatan yang digunakan untuk membersihkan bilik darjah? (b) Apakah bahan yang digunakan untuk membersihkan bilik darjah.	(a) Apakah kegunaan penyapu? (b) Apakah kegunaan sabun? (c) Apakah yang kamu gunakan untuk membersihkan meja?

	Contoh Soalan Mengaplikasi	Contoh Soalan Menganalisis	Contoh Soalan Menilai	Contoh Soalan Mencipta
	Bagaimanakah anda menggambarkan sesuatu peristiwa sejarah berdasarkan garis masa?	Mengapa sumber penting dalam mengkaji sejarah?	Apakah kepentingan belajar Sejarah?	Apakah langkah-langkah yang boleh dicadangkan untuk memulihara warisan bangsa?
	Berpandukan sistem panggilan dalam keluarga, lengkapkan dialog di bawah ini berdasarkan garis masa?	Apakan perbezaan keluarga asas dengan keluarga kembangan?	Mengapa sistem panggilan penting dalam keluarga?	Apakah pendapat anda tentang peraturan yang boleh diamalkan dalam keluarga anda?
	Bagaimanakah anda melakarkan sejarah sekolah anda menggunakan garis masa?	Bagaimanakah sekolah anda berjaya dalam pencapaian kokurikulum?	Mengapa anda perlu berbangga dengan sejarah sekolah anda?	Jelaskan usaha yang boleh dilaksanakan untuk mengekalkan sejarah pencapaian sekolah anda.
	Mengapa kawasan tepi sungai tidak lagi menjadi pilihan penempatan?	Sejauh manakah keistimewaan sejarah tempat tinggal anda dapat menarik minat pelancong?	Mengapa anda perlu berbangga dengan sejarah tempat tinggal anda?	Bagaimanakah cara kita mengekalkan warisan yang terdapat di tempat tinggal kita?
	Bagaimanakah caranya kamu membersihkan meja?	(a) Apakah perbezaan di antara alatan dengan bahan? (b) Bolehkah kamu terangkan perbezaan di antara cara mencuci tingkap dan mencuci meja. (c) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kelas kamu kotor dan bersepah?	(a) Apakah yang boleh kamu nyatakan tentang keadaan bilik dalam gambar ini? (b) Bagaimanakah kamu tahu bilik darjah itu telah dikemaskan?	Bagaimanakah cara yang boleh kamu lakukan untuk menceriakan bilik darjah?

Bil.	Mata Pelajaran	Standard Kandungan	Contoh Soalan Mengingat	Contoh Soalan Memahami
6.	Pendidikan Seni Visual	1.1 – Persepsi Estetik Mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual pada lukisan	a. Apa itu lukisan? b. Berikan contoh bentuk ilusi yang terdapat di sekeliling anda	a. Sebutkan jenis garisan yang anda tahu. b. Terangkan peranan jalinan pada alam.
		1.2 – Aplikasi Seni Mengaplikasi pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan	Apakah media yang anda boleh gunakan dalam penghasilan karya lukisan?	Bahan apakah yang boleh digunakan dalam penghasilan lukisan?
		1.3- Ekspresi Karya Mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan secara kreatif	Apakah media sesuai yang boleh digunakan dalam pengkaryaan anda?	Bagaimanakah untuk menghasilkan karya lukisan yang menarik?
		1.4- Apresiasi Karya Membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual	Apakah unsur seni yang terdapat dalam karya anda?	Apakah ciri-ciri bentuk ilusi dalam karya lukisan boleh dihasilkan?

Contoh Soalan Mengaplikasi	Contoh Soalan Menganalisis	Contoh Soalan Menilai	Contoh Soalan Mencipta
Tunjukkan di manakah penggunaan bahasa seni visual dalam karya contoh ini.	Apakah perbezaan di antara bentuk ilusi dan konkrit?	Mengapakah bahasa seni visual perlu pada alam?	Cadangkan bagaimana hal benda (subject matter) boleh dilukis dengan baik.
Bagaimanakah penggunaan garisan silang pangkah boleh digunakan pada karya?	Apakah jenis garisan yang digunakan dalam karya lukisan ini?	Mengapa warna air bukan merupakan media utama dalam karya lukisan?	Bagaimana ton boleh dicipta melalui garisan dalam mewujudkan bentuk ilusi?
Tunjukkan bagaimana garisan silang pangkah boleh menghasilkan ton.	Terangkan bagaimana perbezaan garisan memberi kesan pada ton.	Bagaimanakah cara yang terbaik untuk mewujudkan ton pada (subjek matter) hal benda yang akan diukis?	Bagaimanakah kamu merancang sebuah karya yang menggabungkan penggunaan bahasa seni visual dalam karya lukisan?
Nyatakan apakah peranan lukisan dalam diri anda.	Terangkan bagaimana fungsi karya lukisan dalam persekitaran kita.	Bagaimanakah penggunaan bahasa seni visual dalam karya rakan anda?	Cadangkan bagaimana karya lukisan rakan anda boleh diperbaiki.

Bil.	Mata Pelajaran	Standard Kandungan	Contoh Soalan Mengingat	Contoh Soalan Memahami
7.	Prasekolah (Bahasa Malaysia)	BM3.8 Membaca ayat dalam konteks BM 3.9 Memahami isi bacaan yang dibaca	Apakah nama tanda bacaan ini?	Apakah fungsi tanda noktah?
8.	Pendidikan Moral	Memberi Bantuan kepada jiran Nilai 2: Baik Hati	Apakah yang dimaksudkan dengan baik hati kepada jiran?	Kenapa kita perlu menunjukkan sikap baik hati kepada jiran?

Contoh Soalan Mengaplikasi	Contoh Soalan Menganalisis	Contoh Soalan Menilai	Contoh Soalan Mencipta
<p>Bagaimanakah anda membaca ayat ini menggunakan intonasi yang betul? "Saya suka makan nasi, ikan dan sayur".</p>	<p>Adakah cara bacaan ini mengikut intonasi yang betul?</p>	<p>Adakah cerita yang disampaikan oleh rakan anda sama dengan cerita yang telah anda baca?</p>	<p>Bolehkah anda lakonkan semula berdasarkan bahan yang dibaca?</p>
<p>Bagaimana anda menunjukkan sikap baik hati kepada jiran anda?</p>	<p>Apakah yang akan berlaku apabila mendapat jiran yang baik hati dengan mendapat jiran yang kurang prihatin?</p>	<p>Adakah anda seorang yang baik hati dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada jiran anda?</p> <p>Bagaimana perasaan anda selepas memberi bantuan kepada jiran?</p>	<p>Jiran anda telah kehilangan orang tersayang dalam satu kemalangan jalan raya. Anda ingin membuat sesuatu membantu mereka.</p> <p>Rancangkan satu aktiviti bagaimana anda dapat membantu jiran anda.</p>





• • • • • 6.0 PENUTUP

Penerangan KBAT dalam Pedagogi yang diutarakan mengikut tajuk dalam buku ini diharap dapat membantu guru untuk merancang dan melaksanakan elemen KBAT dalam PdP. Pemahaman dan penghayatan guru tentang kaedah pedagogi yang efektif adalah sangat penting dalam menjayakan pelaksanaan KBAT secara berkesan di dalam bilik darjah. Selain itu, guru juga digalakkan untuk membuat rujukan dan pembacaan lanjutan berkaitan dengan elemen KBAT dalam pedagogi. Segala usaha ini diharapkan akan melahirkan murid yang berfikiran secara kritis, kreatif dan inovatif.







RUJUKAN

1. Bahagian Teknologi Pendidikan (2006). Project Based Learning Handbook.
2. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012). Buku Panduan Guru Pengajaran Sains Secara Inkuiri.
3. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012). Buku Panduan Kemahiran Menaakul.
4. Bahagian Pendidikan Guru (Edisi Percubaan). Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif: Unit Empat.
5. Bahagian Pendidikan Guru (Edisi Percubaan). Kemahiran Berfikir Secara Kreativef dan Kritis: Unit Tiga.
6. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025. (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).
7. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). Buku Panduan Kreativiti: Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
8. Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). Pembelajaran secara Konstektual.
9. Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). Pembelajaran secara Konstruktivisme.



#5

#5

#4

#3

#2

#1

Decorative bulletin board with a colorful border. It features a calendar, a grid of small photos or drawings, and several colorful cards or notices pinned to it.

Large whiteboard with a black border. It is currently blank, but there are some faint markings or text visible on the right side.

Decorative bulletin board with a colorful border. It features a grid of small photos or drawings, a yellow notice titled "List of Dates", and several other colorful cards or notices pinned to it.





Diterbitkan oleh
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
Aras 4 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03 8884 2000 Faks: 03 8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

ISBN 978-967-420-079-4



9 789674 200794